BULETIN FKA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

EDISI 2025



PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG





UiTM di hatiku

أوسها تقوى موليا

https://ppkapp.uitm.edu.my

Message from Ketua Pusat Pengajian



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and greetings,

It is a pleasure to welcome you to the 2025 edition of Buletin FKA. This bulletin brings together the activities, achievements and memorable moments of the School of Civil Engineering, UiTM Cawangan Pulau Pinang throughout the year.

Looking back, 2025 has been a meaningful year for our School. While the achievements recorded in this bulletin deserve recognition, I believe our true strength lies in the people behind them. Every programme, student activity, research initiative and community engagement reflects the time and effort contributed by our lecturers, administrative staff, technical staff and students.

As educators, our responsibility extends beyond delivering academic content. We must prepare our students to think carefully, act professionally and respond confidently to the challenges they will encounter as civil engineers. The engineering profession continues to change, and our students must be ready to work with new technologies while remaining attentive to public safety, environmental concerns and the needs of society.

I am particularly grateful for the cooperation shown by everyone throughout the year. Some contributions are clearly visible through awards, publications and successful programmes, while many others take place quietly behind the scenes. Both are equally important to the continued success of our School.

To our students, I encourage you to make full use of every opportunity available during your time at UiTM. Academic knowledge provides the foundation, but your willingness to learn, communicate and take responsibility will shape the kind of engineer you eventually become.

I would also like to thank our alumni, industry partners and collaborators for continuing to share their knowledge and experience with us. Their involvement helps ensure that our teaching and activities remain relevant to professional practice.

Finally, congratulations to the editorial team and everyone who contributed to this edition. I hope Buletin FKA 2025 will serve as a meaningful record of our shared journey and remind us of what we can accomplish when everyone contributes.

Thank you and Wassalam.

Kapt. (PA) Ts. Dr. Muhamad Faizal bin Pakir Mohamed Latiff
Ketua Pusat Pengajian
Pengajian Kejuruteraan Awam
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang

Sidang Editorial:
Unit Penerbitan PKA

Ketua Editor:
Dr. Kuan Woei Keong

Editor Artikel:
Prof. Madya Ts. Dr. Kay Dora Abd Ghani
Prof. Madya Dr. Noorsuhada Md Nor
Prof. Madya Ir. Dr. Ng Kok Shien
Prof. Madya Ir. Dr. Goh Lyn Dee
Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Ikmal Fazlan bin Rosli@Rozli
Dr. Salina Alias
Juliana Idrus

Editor Grafik:
Ahmad Syauqi Md Hasan

Website : https://ppkapp.uitm.edu.my/buletin.php
Facebook: https://www.facebook.com/pkauitmcpp/

eISSN 2716-6325
9 772716 632004

Diterbitkan pada 17 September 2026

Penglibatan Pensyarah UiTM CPP sebagai Panel Juri Projek Tahun Akhir Kolej Vokasional Seberang Perai

Daliah binti Hasan, Norhafida Hashim, Nurjuhanah Juhari, Mohd Zaini Endut, Nik Farhanim Imran

Pada 6 Mac 2025, seramai empat (4) orang pensyarah daripada Pengajian Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP) telah dijemput sebagai panel juri bagi Program Projek Tahun Akhir pelajar Diploma di Kolej Vokasional Seberang Perai. Jemputan ini merupakan satu bentuk pengiktirafan terhadap kepakaran dan pengalaman akademik pensyarah UiTM dalam bidang kejuruteraan awam, khususnya dalam aspek penilaian projek, reka bentuk serta aplikasi teknikal di lapangan.

Program Projek Tahun Akhir ini merupakan komponen penting dalam kurikulum pengajian diploma kerana ia memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan teori yang dipelajari sepanjang tempoh pengajian ke dalam bentuk projek yang lebih praktikal dan berstruktur. Melalui program ini, para pelajar telah membentangkan hasil kerja mereka yang merangkumi pelbagai aspek kejuruteraan awam seperti reka bentuk struktur, penggunaan bahan binaan, kaedah pembinaan serta cadangan penyelesaian masalah kejuruteraan yang relevan dengan keperluan industri semasa. Sepanjang sesi penjurian yang berlangsung, para pensyarah UiTMCPP telah menilai projek-projek yang dipersembahkan berdasarkan ketepatan konsep teknikal, tahap inovasi, kebolehlaksanaan cadangan, kualiti dokumentasi serta kemahiran pembentangan pelajar. Selain aspek teknikal, penekanan turut diberikan kepada keupayaan pelajar menjawab soalan secara kritis dan profesional, selaras dengan keperluan sebenar di alam pekerjaan.



Proses penjurian sedang berlansung

Di samping itu, maklum balas yang membina dan cadangan penambahbaikan turut diberikan oleh panel juri bagi membantu pelajar memahami aspek yang boleh dipertingkatkan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kualiti projek yang dihasilkan, malah dapat memupuk budaya penambahbaikan berterusan dalam kalangan pelajar. Pendedahan kepada panel luar juga memberi pengalaman berharga kepada pelajar kerana mereka dinilai oleh ahli akademik yang mempunyai pengalaman luas dalam pengajaran, penyelidikan dan perundingan dalam bidang kejuruteraan awam. Penglibatan pensyarah UiTM CPP dalam program ini turut mencerminkan komitmen institusi dalam memperkukuhkan jaringan kerjasama akademik bersama institusi pendidikan teknikal dan vokasional. Kolaborasi seperti ini membuka ruang kepada perkongsian kepakaran serta memperluaskan hubungan strategik antara kedua-dua institusi. Hubungan yang terjalin bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar, malah berpotensi mewujudkan peluang kolaborasi dalam aspek akademik, latihan industri dan pembangunan profesional pada masa hadapan.

Di samping itu, maklum balas yang membina dan cadangan penambahbaikan turut diberikan oleh panel juri bagi membantu pelajar memahami aspek yang boleh dipertingkatkan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kualiti projek yang dihasilkan, malah dapat memupuk budaya penambahbaikan berterusan dalam kalangan pelajar. Pendedahan kepada panel luar juga memberi pengalaman berharga kepada pelajar kerana mereka dinilai oleh ahli akademik yang mempunyai pengalaman luas dalam pengajaran, penyelidikan dan perundingan dalam bidang kejuruteraan awam.



Penglibatan pensyarah UiTM CPP dalam program ini turut mencerminkan komitmen institusi dalam memperkukuhkan jaringan kerjasama akademik bersama institusi pendidikan teknikal dan vokasional. Kolaborasi seperti ini membuka ruang kepada perkongsian kepakaran serta memperluaskan hubungan strategik antara kedua-dua institusi. Hubungan yang terjalin bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar, malah berpotensi mewujudkan peluang kolaborasi dalam aspek akademik, latihan industri dan pembangunan profesional pada masa hadapan.

Penyampaian sijil dari Pihak Kolej Vokasional Seberang Perai kepada Fakulti Kejuruteraan Awam UiTMCPP.